

# MEDIA SYARI'AH

*Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*

Vol. 18, No. 1, Januari-Juni 2016

***Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani & Kamaru Salam bin Yusof***

Aplikasi Maqasid Al-Syari'ah dalam Pembiayaan Golongan Fakir Menerusi Harta zakat

***Dodik Siswantoro***

Characteristics of Local Government as Zakat (tithe)Collectorin Aceh Province, Indonesia

***Fithriady***

Penggunaan Model “Angkat Bloe”dalam Wakaf Produktif: Justifikasi dan Hambatan (Waqf Productive Using”Angkat Bloe” Model: the Rationales and Obstacles)

***Jabbar Sabil***

Pendekatan Sirkuler dalam Kajian Perbandingan Mazhab

***Mohamed Saladin Abdul Rasool & Ariffin Md Salleh***

Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: A Comparison Between Monetary and Non-Moneary Measurement

***Wasiaturrahmah & Shochrul Rohmatulajija***

A Generic Comparative Studyon Poverty Alleviation Between Muslim Populate Countries and Western Countries

***Zahri Hamad***

Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Fatwa, Manual Amalan

# **MEDIA SYARI'AH**

# **MEDIA SYARI'AH**

Wahana Kajian Hukum Islam Pranata Sosial  
Vol. 18, No. 1, 2016

## **EDITOR-IN-CHIEF**

*Ihdi Karim Makinara*

## **EDITORS**

*Agustin Hanafi*

*Ali Abubakar*

*Analiansyah*

*Bismi Khalidin*

*Jamhir*

*Mijaz Iskandar*

*Mursyid*

*Mutiara Fahmi*

## **INTERNATIONAL EDITORIAL BOARD**

*A. Hamid Sarong (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Arskal Salim (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)*

*Al Yasa' Abubakar (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Euis Nurlaelawati (Universitas Islam Negeri, SUNAN KALIJAGA)*

*Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Muhammad Amin Summa (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)*

*Ratno Lukito (Universitas Islam Negeri SUNAN KALIJAGA)*

*Ridwan Nurdin (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH))*

*Sonny Zulhuda (International Islamic University, MALAYSIA)*

## **ASISSTEN TO THE EDITOR**

*Ainun Hayati*

*Musliadi*

*Syarbunis*

## **ENGLISH LANGUAGE ADVISOR**

*M. Syuib*

## **ARABIC LANGUAGE ADVISOR**

*Fakhrurrazi M. Yunus*

## **COVER DESIGNER**

*Ikhlas Diko*

**MEDIA SYARI'AH**, is a six-monthly journal published by the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. The journal is published since February 1999 (ISSN. 1411-2353) and (ESSN.2579-5090) Number. 0005.25795090 / Jl.3.1 / SK.ISSN / 2017.04. earned accreditation in 2003 (Accreditation No. 34 / Dikti / Kep / 2003). Media Syari'ah has been indexed Google Scholar and other indexation is processing some.

**MEDIA SYARI'AH**, envisioned as the Forum for Islamic Legal Studies and Social Institution, so that ideas, innovative research results, including the critical ideas, constructive and progressive about the development, pengembangan, and the Islamic law into local issues, national, regional and international levels can be broadcasted and published in this journal. This desire is marked by the publication of three languages, namely Indonesia, English, and Arabic to be thinkers, researchers, scholars and observers of Islamic law and social institutions of various countries can be publishing an article in Media Syari'ah

**MEDIA SYARI'AH**, editorial Board composed of national and international academia, part of which are academicians of the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. This becomes a factor Media Syari'ah as prestigious journals in Indonesia in the study of Islamic law.

Recommendations from the editor to scope issues specific research will be given for each publishing Publishing in January and July.



**Editor Office :**

**MEDIA SYARI'AH**

Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial  
Fakultas Syariah dan Hukum Islam UIN Ar-  
Raniry Banda Aceh, Provinsi Aceh – Indonesia

Email: [mediasyariah@ar-raniry.ac.id](mailto:mediasyariah@ar-raniry.ac.id)

[ihdimakinara@ar-raniry.ac.id](mailto:ihdimakinara@ar-raniry.ac.id)

Webs: [jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar](http://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar)

Telp.+62 (651)7557442,Fax. +62 (651) 7557442

HP : 0823 0400 8070

# Table of Contents

## Articles

- 1      *Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani & Kamaru Salam bin Yusof*  
Aplikasi *Maqasid Al-Syari'ah* dalam Pembiayaan  
Golongan Fakir Menerusi Harta Zakat
- 33     *Dodik Siswantoro*  
Characteristics of Local Government as  
Zakat (tithe) Collector in Aceh Province, Indonesia
- 51     *Fithriady & Azharsyah Ibrahim*  
Penggunaan Model “Angkat Bloe” dalam Wakaf Produktif:  
Justifikasi dan Hambatan (Waqf Productive Using “Angkat  
Bloe” Model: the Rationales and Obstacles)

- 89 *Jabbar Sabil*  
Pendekatan Sirkuler  
dalam Kajian Perbandingan Mazhab
- 129 *Mohamed Saladin Abdul Rasool & Ariffin Md Salleh*  
Poverty Measurement In Malaysian Zakat Institutions: A  
Comparison Between Monetary And Non-Moneary  
Measurement
- 153 *Wasiaturrahma & Shochrul Rohmatul Ajija*  
A Generic Comparative Study on Poverty Alleviation  
Between Muslim Populate Countries and Western  
Countries
- 209 *Zahri Hamat*  
Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Fatwa, Manual dan  
Amalan

# Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Fatwa, Manual dan Amalan

*Zahri Hamat*

**Abstract:** *Kertas ini bertujuan menganalisis perakaunan zakat berdasarkan manual, fatwa dan amalan dalam kalangan pelabur dan peniaga saham di Bursa Malaysia. Menurut Manual Pengurusan Pengiraan Zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), saham dipegang untuk dua maksud iaitu pertama untuk maksud pelaburan; dan kedua untuk maksud perniagaan. Persoalannya, terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh negeri di Malaysia yang menyebut saham dipegang semata-mata untuk maksud perniagaan. Bagaimanakah pula saham yang dipegang untuk maksud pelaburan? Apakah perakaunan zakat untuk kedua-dua saham tersebut sama? Berdasarkan analisis kandungan ke atas data sekunder, perbincangan kertas ini*

*dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama akan menyorot secara ringkas tulisan-tulisan lepas tentang perakaunan zakat saham sebagai latar belakang. Kedua akan menerangkan perakaunan zakat saham yang sedang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Ketiga akan menganalisis perakaunan zakat saham yang sepatutnya diamalkan dengan mengambilkira tulisan lepas dan amalan pada masa kini. Akan diujahkan bahawa dengan mengambil kira maksud pemegangan saham, maka penilaian semula perakaunan zakat saham amat diperlukan kerana maksud dan niat pemegangan zakat itu sendiri merupakan faktor penting dalam menentukan perakaunan zakat saham.*

**Keywords:** saham, fatwa, pelabur, peniaga dan niat



## PENDAHULUAN

Usaha memperluaskan harta wajib zakat ini bukan sesuatu yang baru. Khalifah Umar al-Khattab misalnya mewajibkan zakat ke atas kuda, kekacang dan hasil keluaran laut seperti *ambar*, mutiara dan *marjan* (Hasbi Ash-Shiddieqy, 1976: 217). Usaha-usaha ini berlaku secara berterusan sehingga kini. Dalam *Muktamar Zakat Pertama* yang diadakan di Kuwait pada tahun 1984 misalnya memutuskan diwajibkan zakat ke atas bon, saham dan harta *mustaghallat*.<sup>1</sup> Namun kaedah perakaunan zakat ke atas saham tidak disebut secara nyata (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005).

Muhammad Abu Zahrah, Abdul Rahman Hasan dan Abdul Wahhab Khallaf misalnya berpendapat, saham merupakan harta yang boleh dijual beli, maka kaedah perakaunan zakat saham adalah sama seperti zakat barangan perniagaan (Yusuf al-Qaradawi, 1999: 335). Namun di Malaysia, *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menyebut, saham dipegang untuk dua maksud. Pertama untuk maksud pelaburan; dan kedua untuk maksud perniagaan. Persoalannya, terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh negeri di Malaysia menyebut saham dipegang semata-mata untuk maksud perniagaan. Bagaimanakah pula saham yang dipegang untuk maksud pelaburan? Apakah perakaunan zakat untuk kedua-dua jenis pegangan saham tersebut sama?

Berdasarkan analisis kandungan ke atas data primer dan data sekunder, kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama akan menyorot secara ringkas tulisan-tulisan lepas

---

<sup>1</sup> Harta *mustaghallat* merujuk kepada harta tetap seperti bangunan dan tanah yang pada asalnya tidak diwajibkan zakat tetapi jika ia mendatangkan hasil atau manfaat kewangan melalui sewaan atau pajakan, maka zakat dikenakan ke atas hasil tersebut setelah menolak kos-kos yang terlibat dalam usaha mendapatkan hasil tersebut.

tentang perakaunan zakat saham sebagai latar belakang. Kedua akan menerangkan perakaunan zakat saham yang sedang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Ketiga akan menganalisis perakaunan zakat saham yang sepatutnya diamalkan dengan mengambilkira tulisan lepas dan amalan pada masa kini.

### **Sorotan Perakaunan Zakat Saham**

Perakaunan zakat melibatkan beberapa proses bermula dengan penentuan harta yang diwajibkan zakat sehinggalah kepada penyediaan laporan. Dengan itu, perakaunan zakat harta melibatkan proses menentukan harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya, membuat taksiran zakat yang perlu dibayar dan seterusnya menyediakan laporan.

Dengan itu Perakaunan zakat saham adalah proses menentukan saham yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya dan kemudian membuat taksiran zakat yang wajib dibayar oleh pemiliknya. Walaupun kebanyakan cendekiawan zakat bersetuju zakat saham diwajibkan,<sup>2</sup> namun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan mereka ketika membuat penilaian ke atas saham. Implikasinya wujudlah kepelbagaian kaedah perakaunan zakat saham.

Muhammad Kamal Atiyah (1995: 74) misalnya membahagikan saham kepada dua kategori. Pertama, harta tetap iaitu apabila saham dibeli untuk mendapatkan hasil dividen tahunan. Kedua, harta berubah iaitu apabila saham dibeli untuk

---

<sup>2</sup> Antara cendekiawan yang mewajibkan zakat ke atas saham ialah Yusuf al-Qaradawi, Wahbah Zuhaili, Syaiqi Ismail Syahatah, Muhammad Abu Zahrah, Abdul Rahman Hasan, Abdul Wahhab Khallaf, Abdul Aziz Al-Khayyath, Abdullah bin Sulaiman bin Muni', Abdullah Bassam dan Muhammad Abduh Umar (Husein Syahatah & Athiyyah Fayyadh, 2004: 127).

diurus niaga seperti barangan perniagaan.

Yusuf al-Qaradawi (1999: 332 - 333) pula menyebut terdapat dua aliran pemikiran dalam pembentukan kaedah perakaunan zakat saham. Pertama, zakat saham berdasarkan jenis syarikat penerbit saham. Pendapat ini dikemukakan oleh Syeikh Abdul Rahman Isa. Berdasarkan pendapat ini, syarikat penerbit saham boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, syarikat perkhidmatan seperti syarikat perhotelan, pengiklanan dan pengangkutan. Saham syarikat-syarikat ini tidak dikenakan zakat. Kedua, syarikat yang terlibat dengan pengeluaran barangan dan perdagangan barangan seperti syarikat perdagangan dan perkilangan. Saham syarikat ini dikenakan zakat sebagaimana barangan perniagaan.

Yusuf al-Qaradawi (1999: 331 - 338) bagaimanapun menegaskan pembahagian saham tersebut tidak mempunyai asas yang jelas sama ada daripada sumber al-Quran, al-Sunnah, *ijma'* atau kaedah *qiyas*. Malahan saham bagi kedua-dua jenis kategori syarikat tersebut merupakan harta yang boleh berkembang dan mendatangkan keuntungan yang berterusan kepada pemiliknya. Namun jika kaedah ini ingin dilaksanakan juga, maka Yusuf al-Qaradawi (1999: 331-338) mencadangkan zakat dikenakan pada kadar 10 peratus atas keuntungan syarikat perkhidmatan sementara bagi syarikat perdagangan pula dikenakan pada kadar 2.5 peratus pada nilai pasaran.

Aliran kedua pula tidak membezakan jenis syarikat yang menerbitkan saham. Saham dianggap sebagai harta yang boleh dijual beli. Saham di*qiyaskan* kepada barangan perniagaan. Pendapat ini dikemukakan oleh Muhammad Abu Zahrah, Abdul Rahman Hasan dan Abdul Wahhab Khallaf (Yusuf al-Qaradawi, 1999: 334 - 335). Kaedah perakaunan zakat saham dianggap sama seperti zakat perniagaan. Zakat dikenakan ke atas nilai saham

dan keuntungannya setelah mencukupi nisab pada akhir tahun. Kadar zakat yang dikenakan adalah 2.5 peratus.

Yusuf al-Qaradawi (1999: 335) kelihatan lebih cenderung kepada pendapat aliran kedua jika zakat dibayar secara individu kerana lebih memudahkan pemegang saham. Walau bagaimanapun, jika terdapat undang-undang memerlukan syarikat membayar zakat bagi pihak pemegang saham kepada pihak pemerintah maka, aliran pemikiran pertama kelihatan lebih baik.<sup>3</sup>

Dapatlah dirumuskan bahawa Yusuf al-Qaradawi (1999) berpendapat, perakaunan zakat saham dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, saham yang dibeli dengan tujuan diurusniagakan, maka pengiraan zakat adalah sebagaimana zakat barangan perniagaan. Zakat dikenakan pada kadar 2.5 peratus mengikut harga pasaran semasa saham. Kedua, saham yang dibeli dengan tujuan memperoleh keuntungan tahunan. Jika terdapat maklumat mengenai kedudukan harta kekayaan syarikat, maka zakat dikenakan pada kadar 2.5 peratus daripada nilai saham tersebut. Namun jika tidak terdapat maklumat mengenai saham syarikat yang dikenakan zakat, terdapat dua pendapat ulama'.

---

<sup>3</sup> Fatwa di *Majma' al-Fiqh al-Islami* di Jeddah pada 1988 memutuskan bahawa pihak syarikat boleh mengeluarkan zakat bagi pihak pemegang saham jika memenuhi salah satu daripada syarat- syarat berikut:

i. Jika terdapat dalam undang-undang syarikat mengenai kewajiban membayar zakat ke atas syarikat.

ii. Jika terdapat resolusi yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tentang pembayaran zakat tersebut.

iii. Jika terdapat ketetapan daripada kerajaan mengenai tanggungjawab zakat ke atas syarikat.

iv. Jika terdapat keizinan daripada pemegang saham bagi membenarkan pihak syarikat mengeluarkan zakat bagi pihak mereka.

Pertama, keuntungan tahunan saham boleh dicampur bersama dengan harta lain dan zakat dikenakan pada kadar 2.5 peratus. Kedua, keuntungan saham dikenakan zakat pada kadar 10 peratus pada hari penerimaan dividen tanpa menunggu cukup haul sebagaimana zakat pertanian.

Muhammad Rawwas Qal'ahji (2005) pula berpendapat kaedah perakaunan zakat saham adalah berdasarkan jenis aktiviti syarikat penerbit saham tersebut. Jika saham di syarikat perdagangan misalnya, zakat dikenakan ke atas wang tunai dan barangan perniagaan. Kadar zakat yang dikenakan ialah 2.5 peratus. Saham di syarikat yang mengeluarkan hasil pertanian pula, zakat dikenakan ke atas hasil pertanian. Kadar zakat yang dikenakan ialah lima peratus bagi tanaman yang disiram dengan menggunakan tenaga manusia atau bantuan mesin. Bagi tanaman yang tidak menggunakan tenaga manusia atau bantuan mesin, zakat pula dikenakan sebanyak 10 peratus.

Muhammad Akram Khan (2005) sebaliknya berbeza pendapat dengan Muhammad Rawwas Qal'ahji (2005) dan Yusuf al-Qadarawi (1999). Menurut beliau, saham merupakan satu bentuk pelaburan. Maka, zakat hanya dikenakan ke atas keuntungan pelaburan sahaja. Kadar zakatnya ialah lima peratus atau 10 peratus sebagaimana zakat ke atas hasil pertanian atau sewa bangunan.

Husein Syahatah dan Athiyah Fayyadh (2004: 134 - 135) pula berpendapat kaedah pengiraan zakat saham sepatutnya mengikut tempoh dan tujuan pemilikan saham. Jika tempoh pemilikan saham adalah berjangka pendek dan tujuannya adalah untuk diniagakan, maka kaedah pengiraan zakat saham diqiyaskan kepada zakat barangan perniagaan. Sebaliknya, jika pemilikan saham adalah untuk tempoh jangka panjang dan bertujuan memperoleh dividen tahunan, maka kaedah pengiraan zakat

saham seperti zakat harta *mustaghallat*.

Pendapat Husein Syahatah dan Athiyyah Fayyadh (2004: 134 - 135) ini kelihatan hampir sama dengan Muhammad Kamal Atiyah (1995: 74). Menurut Muhammad Kamal Atiyah (1995: 74), saham dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, harta tetap apabila saham dibeli untuk mendapatkan hasil dividen tahunan. Kedua, harta berubah apabila saham dibeli untuk diurus niaga seperti barangan perniagaan.

Didin Hafidhuddin (2007: 129) menyebut secara nyata tujuan atau niat pegangan saham mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham<sup>4</sup>. Jika niat untuk diurusniagakan, maka zakat saham *diiyaskan* kepada barangan perniagaan. Jika sebaliknya diniat untuk memperoleh dividen tahunan, maka zakat saham *diiyaskan* kepada zakat pertanian. Kaedah pengiraan zakat saham mengikut tempoh dan tujuan pemilikan saham ini juga selaras dengan kaedah yang diputuskan semasa *Muktamar Zakat Pertama* yang diadakan di Kuwait pada 1984. Bagaimanapun, terdapat dua pendapat bagi pemilikan saham yang bertujuan untuk mendapat dividen tahunan. Pertama, dividen saham yang diterima disatukan dengan harta zakat lain dan kadar zakatnya sebanyak 2.5 peratus. Kedua, dividen saham yang diterima dikenakan zakat pada kadar 10 peratus. *diiyaskan* kepada zakat ke atas hasil pertanian.

### **Fatwa dan Perakaunan Zakat Saham di Malaysia**

Di Malaysia, kuasa dalam bidang pemerintahan dan perundangan dibahagikan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Dalam konteks agama Islam,

---

<sup>4</sup> Niat pemilikan saham dan tujuan pemilikan, membawa maksud yang sama. Kedua-dua istilah tersebut diguna pakai silih ganti dalam kajian ini mengikut kesesuaian ayat.

perlembagaan telah meletakkan soal agama dan hukum syarak di bawah Senarai Negeri, kecuali mengenai Wilayah Persekutuan. Perkara-perkara mengenai agama Islam dan hukum syarak yang dimaksudkan telah disenaraikan secara terperinci dalam Jadual 9, Senarai II Perlembagaan. Dengan kata lain, hal-ehwal agama Islam dan hukum syarak termasuklah pengurusan zakat terletak dalam bidang kuasa kerajaan-kerajaan.

### Fatwa Zakat Saham di Malaysia

Setiap negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan fatwa masing-masing. Untuk zakat saham, terdapat lima buah negeri (35.71 peratus) iaitu Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Perlis dan Terengganu yang mengeluarkan fatwa mewajibkan zakat saham. Sembilan buah negeri (64.29 peratus) lagi iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah dan Kelantan tiada fatwa mengenai zakat saham.

Pulau Pinang merupakan negeri terawal yang mengeluarkan fatwa tentang zakat saham iaitu pada 21 September 1983 menerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Fatwa yang dikeluarkan tentang kewajipan zakat ke atas pemegang saham bagi pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN). Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa zakat dikenakan ke atas modal dan keuntungan yang diterimanya setelah cukup nisab dan haul (Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, 1983).

Perlis mengeluarkan fatwa tentang zakat saham pada 11 Mei 1988 menerusi Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Negeri Perlis memfatwakan saham yang patuh Syariah diwajibkan zakat sebagaimana zakat perniagaan (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 1988). Bagaimanapun, kaedah pelaksanaan perakaunan zakat saham tidak dijelaskan secara detail. Begitu juga fatwa

negeri Melaka dan Terengganu tidak menjelaskannya tentang pengiraan zakat saham. Fatwa yang diwartakan oleh negeri Melaka pula adalah seperti apa yang disarankan oleh JAWHAR. Namun kelonggaran diberikan pemegang saham boleh menggunakan harga saham pada akhir haul jika pemegang saham sukar menentukan harga terendah antara harga pasaran dan harga belian (Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka, 2009).

Selangor pula adalah negeri terakhir mengeluarkan fatwa mengenai kaedah taksiran zakat saham. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mewartakan kaedah tersebut pada 31 Mac 2011. Fatwa negeri Selangor kelihatan lebih detail tentang kaedah perakaunan zakat saham. Misalnya, syarat-syarat wajib zakat saham dan dalil-dalil kewajipan zakat saham turut dijelaskan dalam fatwa tersebut (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, 2011). Bagaimanapun, fatwa yang diputuskan banyak tertumpu kepada saham yang ditawarkan di bursa saham.

Fatwa yang dikeluarkan mempamerkan ketidakseragaman dalam kaedah perakaunan zakat saham. Ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, amat baik jika satu fatwa di peringkat persekutuan `khusus tentang zakat saham dapat dikeluarkan untuk diamalkan di semua negeri di Malaysia. Hal ini pernah ditimbulkan oleh Mufti Negeri Terengganu semasa membentangkan kertas kerja yang berjudul *Institusi Fatwa dan Cabaran Semasa*.<sup>5</sup> Antara lain beliau menyebut seperti berikut:

“...usaha perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menyeragamkan pengeluaran fatwa bagi mengelak kecelaruan fahaman

---

<sup>5</sup> Mufti Terengganu, Sahibus Samahah Dato’Dr. Alias Abdullah berucap sewaktu membentangkan kertas kerja di Seminar Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporari di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 18-19 November 2011 (Utusan Malaysia, 20 November 2011).



dalam kalangan umat Islam.”

Kenyataan tersebut mempamerkan bahawa kepelbagaian fatwa boleh menimbulkan kesan yang negatif terhadap masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa usaha telah diambil untuk menyelaraskan fatwa negeri-negeri di peringkat persekutuan. Di samping itu, penyelarasan kaedah perakaunan zakat di peringkat persekutuan turut dibuat. Antara lain ialah melalui *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi tujuan menyelaraskan amalan kaedah perakaunan zakat di setiap negeri di Malaysia.

Mengikut manual tersebut, kaedah perakaunan zakat saham dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, saham yang masih dimiliki selepas cukup haul dikenakan zakat pada kadar 2.5 peratus atas harga terendah antara harga pasaran dan harga belian. Kedua, saham yang dijual beli sepanjang haul dikenakan zakat pada kadar 2.5 peratus atas nilai jualan saham setelah ditolak kos pembelian saham-saham tersebut (JAWHAR, 2008).

Beberapa Majlis Agama Islam Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing turut menetapkan kaedah perakaunan zakat saham. Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 21 September 1983 misalnya memutuskan kaedah perakaunan zakat bagi saham ASN berdasarkan modal ditambah dengan keuntungan yang diterimanya setelah cukup nisab dan haul Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, 1983).

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis pada 11 Mei 1988 pula memutuskan saham patuh Syariah diwajibkan zakat apabila telah mencukupi nisab dan haulnya sebagaimana zakat ke atas perniagaan. Namun, kaedah perakaunan zakatnya tidak dijelaskan secara terperinci (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 1988).

Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka pada 2009 turut

mewartakan kaedah perakaunan zakat saham untuk diamalkan di negeri tersebut. Secara umumnya, kaedah perakaunan zakat saham yang diputuskan adalah sebagaimana yang disarankan oleh JAWHAR (Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka, 2009).

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula pada 31 Mac 2011 memutuskan bahawa zakat yang dilaburkan di pasaran modal di*qi*yaskan kepada barangan perniagaan tanpa mengira tujuan pelaburan sama ada untuk diniagakan atau disimpan. Kaedah perakaunan zakat saham telah dibahagikan kepada dua kategori seperti dipamerkan dalam Jadual 1.

<i>Kategori</i>	<i>Taksiran</i>
Saham dalam bentuk	Nilai saham pada akhir haul x 2.5%
Saham yang diurusniagakan	[Nilai saham pada akhir haul (+) Keuntungan (-) kos brokeraj] x 2.5%

*Sumber:* Diolah daripada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2011)

Berdasarkan Jadual 1, saham dalam bentuk simpanan dikenakan zakat sebanyak 2.5 peratus daripada nilai saham pada harga pasaran pada akhir haul. Saham yang diurusniagakan, zakat dikenakan sebanyak 2.5 peratus daripada nilai saham pada harga pasaran pada akhir haul dan dicampur dengan keuntungan yang diterima sepanjang haul setelah ditolak dengan kos brokeraj (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, 2011): Kaedah ini mula dilaksanakan di negeri Selangor mulai tahun 2011 bagi menggantikan kaedah yang telah dicadangkan oleh JAWHAR.

Kaedah Perakaunan Zakat Saham

Secara umumnya, kaedah perakaunan zakat saham boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, perakaunan zakat saham bagi saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Kedua, perakaunan zakat saham bagi saham yang tidak disenaraikan di bursa saham. Bagi saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dapatan mempamerkan pelbagai kaedah pembahagian saham dalam membuat taksiran zakat. Bagaimanapun, kebanyakan negeri membahagikannya kepada dua kategori. Pertama, saham yang diurusniagakan di sepanjang tempoh haul. Kedua, saham yang tidak diurusniagakan di sepanjang tempoh haul.

Bagi saham yang diurusniagakan, dapatan mempamerkan kaedah perakaunan zakat saham diamalkan di institusi-institusi zakat boleh dibahagikan kepada empat kaedah. Kaedah-kaedah tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kaedah Perakaunan Zakat Bagi Saham Yang Diurusniagakan

Kaedah	Kenyataan	Huraian
	Nilai saham pada akhir haul	Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan
2	Nilai saham pada	Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan zakat serta keuntungan yang telah
3	Keuntungan jualan saham	Keuntungan jualan saham merujuk kepada perbezaan nilai hasil jualan saham dan kos belian saham
4	Nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian	Nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian sepanjang tempoh haul

Jadual 2 mempamerkan kaedah perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan. Kaedah ini dibahagikan kepada empat. Kaedah 1 adalah berdasarkan nilai saham pada akhir haul. Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan zakat. Kaedah 2 adalah berdasarkan nilai saham pada akhir haul ditambah dengan keuntungan. Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan zakat serta keuntungan yang telah diperoleh sepanjang tempoh haul (setahun). Kaedah 3 adalah berdasarkan nilai keuntungan. Keuntungan jualan saham merujuk kepada perbezaan nilai hasil jualan saham dan kos belian saham. Kaedah 4 pula adalah berdasarkan nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian. Nilai ini merujuk kepada nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian sepanjang tempoh haul. Namun, jika nilai terendah sukar ditentukan, nilai terendah pada awal tahun atau akhir tahun digunakan.

Majoriti negeri di Malaysia mengamalkan kaedah 1. Kaedah ini diamalkan di lima buah negeri (35.71 peratus) iaitu Pahang, Johor, Kelantan, Perak dan Terengganu. Kaedah 2 pula diamalkan di empat buah negeri (28.57 peratus) iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan Perlis. Kaedah 3 pula diamalkan di tiga buah negeri (21.43 peratus) iaitu Melaka, Sabah dan Wilayah Persekutuan. Kaedah 4 menunjukkan kaedah yang paling kurang menjadi pilihan iaitu hanya diamalkan di dua buah negeri (4.29 peratus) iaitu Negeri Sembilan dan Sarawak.

Terdapat sembilan buah negeri (64.29 peratus) yang mengambil kira nilai saham pada akhir haul dalam taksiran zakat. Negeri-negeri tersebut terdiri daripada Pahang, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Kedah, Kelantan, Perlis, Perak dan Terengganu. Lima negeri iaitu Pahang, Johor, Kelantan, Perak dan Terengganu membuat pengiraan zakat saham berdasarkan nilai saham pada akhir haul.

Taksiran zakat saham bagi negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah dan Perlis pula adalah berdasarkan nilai saham pada akhir haul serta keuntungan. Kedua-dua kaedah tersebut merujuk kepada kaedah taksiran barangan perniagaan. Namun berlaku perbezaan dalam pengiktirafan keuntungan atau dividen yang diperoleh. Sebahagian negeri yang mengiktiraf keuntungan tersebut dalam tempoh haul nilai saham semasa. Sebahagian negeri lain pula tidak mengiktiraf keuntungan tersebut sama dengan tempoh nilai semasa saham. Dengan kata lain, nilai keuntungan tersebut perlu cukup tempoh haul setahun sebelum dikenakan zakat. Mengaplikasikan kaedah perakaunan zakat saham yang diurusniagakan sebagaimana zakat barangan perniagaan ini sebenarnya selari dengan pendapat Husein Syahatah dan Athiyyah Fayyadh (2004) dan Muhammad Kamal Atiyah(1995).

Dapatan ini turut memperlihatkan kaedah yang disarankan oleh JAWHAR iaitu kaedah 3 tidak menjadi pilihan kebanyakan negeri di Malaysia. Sebanyak tiga buah negeri (21.43 peratus) sahaja yang mengamalkan kaedah tersebut iaitu Melaka, Sabah dan Wilayah Persekutuan. Dapatan ini secara tidak langsung mempamerkan majoriti negeri di Malaysia telah mengetepikan kaedah yang disarankan oleh JAWHAR dalam pengiraan zakat ke atas saham yang diurusniagakan.

Namun bagi saham yang tidak diurusniagakan, dapatan mempamerkan kaedah perakaunan zakat saham yang diamalkan boleh dibahagikan kepada dua kaedah. Kaedah tersebut adalah seperti tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

### Jadual 3: Kaedah Perakaunan Zakat Bagi Saham Yang Tidak Diurusniagakan

Kaedah	Kenyataan	Huraian
1	Nilai saham pada akhir haul	Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan zakat
2	Nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian	Nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian sepanjang tempoh haul (setahun)

Jadual 3 mempamerkan perakaunan zakat saham yang tidak diurusniagakan boleh dibahagikan kepada dua kaedah. Kaedah 1 adalah berdasarkan nilai saham pada akhir haul. Nilai ini merujuk kepada nilai pasaran saham pada hari diwajibkan zakat. Kaedah 2 pula adalah berdasarkan nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian saham. Nilai ini merujuk kepada nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian sepanjang tempoh haul (setahun).

Majoriti negeri di Malaysia mengamalkan kaedah 2 bagi saham yang tidak diurusniagakan. Kaedah ini diamalkan di lapan buah negeri (57.14 peratus) iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah dan Perlis. Kaedah 1 pula diamalkan di enam buah negeri (42.86 peratus) iaitu Pahang, Pulau Pinang, Selangor, Kelantan, Perak dan Terengganu.

Amalan ini adalah konsisten dengan kaedah yang dicadangkan oleh JAWHAR (2008). JAWHAR mencadangkan zakat dikenakan ke atas nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian yang telah cukup nisab dalam tempoh haul. Berdasarkan kaedah ini, peningkatan harga saham sepanjang tempoh haul tidak diambil kira dalam taksiran zakat saham. Kejatuhan harga saham di bawah paras harga belian akan diambil kira dalam taksiran zakat saham. Nilai terendah antara

harga pasaran dan harga belian ini merupakan pemilikan tetap saham dalam tempoh haul. Kaedah ini sebenarnya, merujuk kepada kaedah pengiraan zakat wang simpanan. *Jumhur fuqaha'* berpendapat, zakat hanya dikenakan ke atas wang simpanan yang telah cukup tempoh setahun (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003). Perkara ini disandarkan kepada Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali seperti berikut:

"Apabila kamu mempunyai 200 dirham dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya 5 dirham, dan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 dinar (salah satu mata wang zaman dahulu yang digunakan di negara Arab). Apabila kamu mempunyai 20 dinar dan telah cukup haulnya diwajibkan zakatnya setengah dinar. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun" (Abu Daud, No. 1514).

Berdasarkan Hadis tersebut, mana-mana pertambahan nilai sepanjang haul tidak dikenakan zakat kecuali telah melalui tempoh setahun (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003). Oleh sebab itu, negeri-negeri yang meng*qiyaskan* saham kepada zakat wang simpanan memilih kaedah perakaunan zakat berdasarkan nilai terendah antara harga pasaran dan harga belian (kaedah 2).

### **Niat dan Kaedah Perakaunan Zakat Saham di Malaysia**

Bagi saham yang diurus niaga dan saham tidak diurusniagikan, dapatan mempamerkan terdapat persamaan dan perbezaan kaedah yang digunakan. Bagi negeri-negeri yang menggunakan kaedah yang sama bagi saham yang diurusniagikan dan saham yang tidak diurusniagikan ialah Negeri Sembilan,

Pahang, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Kelantan dan Terengganu. Negeri Melaka, Sabah, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah, Perak dan Perlis pula membezakan kaedah perakaunan zakat bagi kedua-dua bentuk saham tersebut.

Negeri-negeri yang menggunakan kaedah perakaunan yang sama bagi kedua-dua bentuk saham tersebut berkemungkinan disebabkan oleh cara interpretasi terhadap saham. Negeri Selangor dan Pulau Pinang misalnya meng*qiyaskan* saham kepada barangan perniagaan tanpa mengira tujuan pemilikan saham. Oleh yang demikian, kaedah perakaunan zakat saham tidak dibezakan sama ada diurusniaga atau tidak diurusniagakan. Kaedah ini sebenarnya dipelopori oleh Muhammad Abu Zahrah, Abdul Rahman Hasan dan Abdul Wahhab Khallaf (Yusuf al-Qaradawi, 1999: 331-338). Hal yang sama berlaku di Negeri Sembilan dan Sarawak iaitu menyamakan zakat saham dengan zakat wang simpanan. Oleh yang demikian, zakat dilayan sebagaimana zakat wang simpanan. Zakat dikenakan ke atas nilai terendah antara harga pasaran dan harga kos.

Dapatan ini mempamerkan sebahagian daripada negeri-negeri di Malaysia (50 peratus) membezakan kaedah perakaunan zakat saham berdasarkan tujuan atau niat pegangan atau pemilikan saham tersebut. Sebahagian lagi pula tidak membezakan niat pegangan saham dalam menentukan kaedah perakaunan zakat saham. Persolannya ialah apakah niat faktor pegangan saham penting dalam penentuan kaedah perakaunan zakat saham?

Untuk mendapat pandangan terhadap persoalan tersebut, seramai lima orang cendekiawan di Malaysia telah ditemubual. Mereka ialah pertama, seorang mufti yang agak terkehadapan dalam menyatakan pandangan. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah As-Sahabah Zakat, Majlis Agama Islam



Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Pengerusi Jawatankuasa Panel Kajian Syariah (PKS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan

Kedua, seorang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Beliau merupakan Panel Kajian Aqidah JAKIM, Panel Kajian Syariah JAKIM, Panel Penasihat Syariah Tabung Haji dan Penasihat Syariah Bank Muamalat. Beliau turut mengumpul dan menyusun fatwa-fatwa mengenai zakat kontemporari dalam sebuah buku yang berjudul *Fatwa Zakat Kontemporari*.

Ketiga, seorang Profesor dalam bidang perbankan dan ekonomi kewangan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengarah di *Islamic Economics and Finance Research Center* (EKONIS), Universiti Kebangsaan Malaysia, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Citibank Berhad, penasihat kepada badan-badan kerajaan dan menjadi ahli kepada beberapa badan profesional.

Keempat, seorang berlatarbelakangkan bidang pengajian Islam. Beliau merupakan Profesor Madya di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Beliau sangat aktif dalam penyelidikan mengenai zakat.

Kelima, seorang Profesor dalam bidang Ekonomi dan Muamalat. Beliau merupakan Tokoh Zakat Negeri Selangor bagi tahun 1997 dan Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor bagi tahun 2005. Beliau juga mantan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Zakat Selangor dan Ketua Kumpulan Kajian Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia

Dapatan temu bual terhadap lima orang cendekiawan di Malaysia mempamerkan niat pegangan saham boleh mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham. Hal ini kerana mereka berpendapat, niat memainkan peranan penting dalam menentukan hukum. Ini bersandar kepada salah satu kaedah *fiqh* iaitu *al-umur bi maqasidiha*<sup>6</sup>. Amalan seseorang akan memberi kesan hukum yang berbeza disebabkan perbezaan niat. Kaedah yang sama terpakai bagi kaedah perakaunan zakat saham. Antara lain beliau menyebut:

“...sebab niat menjadi garis penentu kepada berlakunya sesuatu hukum. ...peranan niat adalah menentukan hukum sesuatu perkara iaitu kaedah *al-umur bi maqasidiha*. Sesuatu perkara itu akan menjadi urusan niaga perniagaan jika ada niat perniagaan dan zakatnya mestilah berdasarkan kepada apa yang dia niatkan. Maka niat menjadi penentu sesuatu hukum itu dilaksanakan.”

Pendapat tersebut disokong seorang cendekiawan lain. Antara lain beliau menyebut, niat seseorang memiliki atau memegang saham akan memberi implikasi kepada kaedah taksiran zakat. Saham yang diniat untuk diurusniagakan misalnya ditaksirkan sebagaimana zakat perniagaan. Jika sebaliknya saham yang tidak diniat untuk diurusniagakan, tidak ditaksirkan sebagai zakat perniagaan. Beliau menerangkan seperti berikut:

“...saham adalah untuk diurusniagakan dan

---

<sup>6</sup> Kaedah ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat. Sesungguhnya setiap orang itu akan mendapat sesuatu mengikut niatnya. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, maka Hijrahnya itu kerana Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan dunia dia akan mendapatkannya atau kerana seorang perempuan yang ingin dikahwininya maka Hijrahnya itu mengikut apa yang diniatkannya” (al-Bukhari: No.1392).

tak diurusniagakan yakni disimpan. ...Jika dia memang niat pada masa itu untuk perniagaan, maka kita kira macam zakat perniagaan, jika tidak, maka tidak bolehlah kata zakat perniagaan.”

Dalam pada itu, seorang cendekiawan lagi melihat dari sudut matlamat pegangan harta dan mengaitkannya dengan kaedah taksiran zakat saham. Beliau menjelaskan seperti berikut:

“Dalam kes ini, tujuan pelabur adalah penting. ...maka, kaedah yang dibangunkan nanti adalah berdasarkan tersebut. Saya tidak pasti kaedah taksirannya, cuma jika di*qiyaskan* kepada barangan perniagaan. *Method* yang dipakai sama sebagaimana zakat barangan perniagaan. *Qiyas* zakat simpanan, *method* yang digunakan sama sebagaimana zakat simpanan.”

Seorang cendekiawan lagi membuat perbandingan peranan niat dalam taksiran zakat saham dengan membuat perbandingan dengan zakat emas. Menurut beliau, jika emas bertujuan perhiasan, maka emas tersebut tidak dikenakan zakat. Sebaliknya, jika emas untuk disimpan, maka emas tersebut dikenakan zakat. Dengan kata lain, beliau menyebut:

“ ...taksiran zakat harus dibezakan berdasarkan tujuan atau niat pembelian saham. Kaedahnya pula sebagaimana apa (bentuk harta) yang di*qiyaskan*. Kalau *qiyas* kepada perniagaan, cara kiranya juga macam perniagaan.”

Beliau turut menegur kaedah taksiran zakat terhadap beberapa

bentuk harta pada masa kini yang tidak konsisten. Beliau dengan itu mencadangkan kaedah perakaunan zakat saham seperti berikut:

“Bukan seperti sekarang, bagi sesetengah sumber harta yang *qiyas* kepada zakat pertanian, cara kiraan zakat pertanian tetapi kadar 2.5 peratus. Macam zakat pendapatan, ...pada saya, jika sesuatu sumber harta di*qiyas* kepada sumber harta yang ada pada masa Rasulullah SAW, maka kaedah pengiraan haul, nisab dan kadarnya mesti berdasarkan kepada sumber asal tersebut. Bagi saham yang niatnya untuk dapat dividen tahunan bukan dijual beli saya lebih melihat di*qiyas*kan kepada zakat hasil pertanian. Zakat kena atas dividen 10 peratus. Kira macam zakat pertanian. Kena atas dividen. Tidak ada syarat haul. Kaedah ini lebih menguntungkan pihak *asnaf*.”

Dengan itu, seorang cendekiawan lain merumuskan kaedah perakaunan zakat saham ini seperti berikut:

“...kaedah perakaunan zakat harus dibezakan berdasarkan tujuan atau niat pembelian sesuatu saham.”

Dapatan temu bual di atas mempamerkan niat pegangan sesuatu saham mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham. Dengan itu, anggapan semua saham dipegang untuk tujuan perniagaan adalah tidak munasabah. Begitu juga anggapan semua saham dipegang untuk tujuan pelaburan atau simpanan. Hal ini kerana bukan semua saham dipegang dengan niat bagi mendapat keuntungan tahunan semata-mata. Begitulah sebaliknya

bukan semua saham dipegang dengan niat untuk perniagaan sahaja.

Dengan demikian, kerangka perakaunan zakat harta yang dibentuk Muhammad Kamal Atiyah (1995) berasaskan kategori harta amat sesuai dipakai. Beliau membahagikan harta kepada dua kategori iaitu pertama ialah harta tetap; dan kedua ialah harta berubah. Harta tetap ialah harta yang digunakan untuk mendapat manfaat daripadanya secara berterusan. Zakat ke atas harta tetap ini dikenakan terhadap pendapatan daripada harta tersebut pada kadar lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus. Harta berubah pula ialah harta yang mudah dipindah atau diubah-ubah seperti barangan perniagaan atau harta lain yang mudah ditukar kepada tunai. Zakat ke atas harta berubah ini dikenakan terhadap harta dan pendapatan daripada harta tersebut pada kadar 2.5 peratus.

Bagi harta baru ditemui, menurut Muhammad Kamal Atiyah (1995) harta tersebut akan dikategorikan sama ada sebagai harta tetap atau harta berubah. Kaedah perakaunan zakatnya bergantung kepada kategori harta tersebut. Kategori harta oleh Muhammad Kamal Atiyah (1995) ini selari dengan garis panduan oleh badan-badan perakaunan seperti MASB dan AAIOFI dalam standard pelaporan kewangan badan masing-masing. Oleh sebab itu, kaedah perakaunan zakat berasaskan adalah sesuai untuk diamalkan dalam realiti kini.

Dengan mengambil kira pendapat cendekiawan zakat dan kerangka perakaunan zakat yang dibentuk oleh Muhammad Kamal Atiyah (1995), maka kaedah perakaunan zakat saham akan dipengaruhi oleh niat sama ada bagi tujuan pemegangan sesuatu saham. Jika saham diurusniagakan, maka saham tersebut dikategorikan sebagai harta berubah. Kaedah perakaunan zakatnya adalah berdasarkan nilai saham dan keuntungan. Jika saham tidak diurusniagakan, maka saham tersebut dikategorikan sebagai harta

tetap. Kaedah perakaunan zakatnya adalah berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja. Namun, kedua-dua kategori ini boleh berubah mengikut perubahan niat pegangan saham.

## **Kesimpulan**

Kaedah perakaunan zakat saham ini sebenarkan dibentuk melalui kaedah aplikasi *qiyas*. Majoriti responden oleh meng*qiyas*kan saham kepada sumber harta yang *dinaskan* secara *qat''i*. Kaedah perakaunan zakat saham pula dibahagikan kepada dua iaitu perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan dan saham tidak diurusniagakan. kaedah perakaunan zakat saham pula dibahagikan kepada dua iaitu perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan dan saham tidak diurusniagakan. Kaedah perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan adalah berdasarkan nilai saham dan keuntungan. Kaedah perakaunan zakat bagi saham yang tidak diurusniagakan pula adalah berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja. JAWHAR sebagai agensi penyelaras di peringkat persekutuan oleh itu perlulah mengambil kira maksud pemegang saham dalam membentuk kaedah perakaunan zakat saham. Oleh itu penilaian semula kaedah perakaunan zakat saham amat diperlukan kerana maksud dan niat pemegang zakat itu sendiri merupakan faktor penting dalam menentukan perakaunan zakat saham. Penghargaan Penulis mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Wan Anisah Endut dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana bantuan dalam pengutipan dan pengolahan data untuk kertas ini.

## **Bibliografi:**

Didin Hafidhuddin. (2007). *Agar harta berkah dan bertambah: Gerakan membudayakan zakat, infak, sedekah, dan wakaf*. Jakarta: Gema Insani Press.

- Hasbi Ash-Shiddieqy. (1976). *Pedoman zakat*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Husein Syahatah & Athiyyah Fayyadh. (2004). *Bursa efek: Tuntutan Islam dalam transaksi di pasar modal. (Adh-Dhawabit Al-Syar'iyah li At-Ta'amul fii Suuq Al-Awraq Al-Maliyah)* (A. Syakur, Terj.). Surabaya: Pustaka Progressif.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji [JAWHAR]. (2008). *Manual pengurusan pengiraan zakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Akram Khan. (2005). Comments on Abdul Azim Islahi & Mohamed Obaidullah (2004): Zakah on stocks: Some unsettled issues. *Journal of King Abdul Aziz University: Islamic Economic*, 18(1), 41-42.
- Muhammad Kamal 'Atiyah. (1995). *Perakaunan zakat: Teori dan praktis*. (Mohd. Nor Ngah, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rawwas Qal'ahji. (2005). *Urusan kewangan semasa menurut perspektif Syariah Islam*. (Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari, Terj.) Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Sumber zakat: Perluasan terhadap harta yang diikhtilaf. *Jurnal Syariah* 13(1).
- Yusuf al-Qaradawi. (1999). *Fiqh az-Zakat*. (Monzer Kahf, Terj.). London: Dar al-Taqwa.
- Media Syari'ah*, Vol. 18, No. 1, 2016

